


Jan 14, 2021

Penyelesaian Kualiti Udara nanoe™ X Panasonic Menciptakan Ruang Perjalanan yang Nyaman untuk Kenderaan Premium Grabs

5,500 kenderaan GrabCar Premium akan dilengkapi dengan nanoe™ X generators



Kenderaan GrabCar Premium dilengkapi dengan penjana nanoe™ X

Kuala Lumpur, Malaysia - Panasonic Corporation hari ini mengumumkan kerjasama dengan Grab Holdings Inc. (Grab), aplikasi super harian terkemuka di Asia Tenggara, untuk meningkatkan lagi standard GrabCar Premium dengan memberikan pengalaman perjalanan yang lebih bersih dan selesa untuk penumpang GrabCar Premium menggunakan nanoe™ X. Inisiatif ini akan menyaksikan 5,500 kenderaan GrabCar Premium di lima bandar di empat negara (Kuala Lumpur (Malaysia), Singapura, Bandar Ho Chi Minh dan Hanoi (Vietnam), dan Jakarta (Indonesia)) dilengkapi dengan penjana nanoe™ X, yang akan akan tersedia dari pertengahan Januari 2021.

Kerjasama itu juga akan menyaksikan Panasonic dan Grab bekerjasama untuk mempromosikan kepentingan udara berkualiti dengan memanfaatkan penyelesaian unik dalam dan luar talian GrabAds. Kempen ini merangkumi penempatan produk dalam kereta serta iklan di laman utama aplikasi Grab di mana ia akan tersedia untuk lebih dari 214 juta telefon pintar di Asia Tenggara. GrabAds semakin menjadi platform pilihan iklan untuk jenama di Asia Tenggara.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, minat terhadap kualiti udara semakin meningkat di seluruh dunia. Di bawah slogan " UDARA BERKUALITI UNTUK KEHIDUPAN" terutama di Asia Tenggara, Panasonic menyediakan solusi udara berkualiti yang mengawal suhu, kelembapan, pengudaraan, dan aliran udara untuk memberikan persekitaran udara berkualiti tinggi yang disesuaikan dengan rumah, kedai, pejabat, dll. Teras solusi ini adalah teknologi bersih nanoe™ *¹ milik Panasonic.

nanoe™ adalah ion partikel bersaiz nano yang dihasilkan dengan menggunakan voltan tinggi ke atas air di udara dan mengandungi radikal hidroksil (komponen yang sangat reaktif) yang mudah bertindak pada pelbagai bahan. Penghasilan radikal hidroksil ini telah meningkat sepuluh kali ganda dibandingkan dengan produk konvensional, dan nanoe™ X digunakan dalam peralatan rumah seperti pembersih udara, penghawa dingin, mesin basuh, dan peti sejuk, serta di dalam kereta, kereta api, dan penghawa dingin komersial berdasarkan pelbagai fungsinya seperti penyahbauan *², pengurangan bakteria *³ dan alergen *⁴.



Imej penggunaan penjana nanoe™X

Penjana nanoe™ X, yang akan dipasang pada kenderaan GrabCar Premium, dikuasakan oleh port USB dan saiznya sesuai untuk dimasukkan ke dalam pemegang cawan kereta, memudahkan untuk menghasilkan nanoe™ X untuk membersihkan udara di dalam kereta.

Panasonic akan terus berusaha merealisasikan "UDARA BERKUALITI UNTUK KEHIDUPAN" dalam berbagai bidang kehidupan dan masyarakat, termasuk perkakas rumah, automotif, dan bidang yang berkaitan dengan perumahan, untuk memberikan gaya hidup yang sihat.

▪ **Lokasi:**

Kuala Lumpur di Malaysia, Singapura, Bandar Ho Chi Minh dan Hanoi di Vietnam dan Jakarta, Indonesia

▪ **Tempoh:**

Dari pertengahan Januari hingga pertengahan Mac 2021

▪ **Sasaran:**

5,500 kenderaan GrabCar Premium beroperasi di lima bandar di empat negara di atas.

Pautan berkaitan:

UDARA BERKUALITI UNTUK KEHIDUPAN

<https://www.panasonic.com/global/consumer/clean/ja/qafl.html>

Catatan:

* 1 nanoe™ mempunyai jangka hayat sekitar enam kali lebih lama daripada ion biasa *, jadi ianya tersebar di kawasan yang lebih luas. Kandungan airnya kira-kira 1,000 kali ** lebih besar daripada ion udara (mengikut isipadu), dan ia adalah ion berasid lemah yang bertindak lembut pada kulit dan rambut.

nanoe™, dan tanda nanoe™ adalah tanda dagang Panasonic Corporation. (Mengenai nanoe™: <http://panasonic.jp/nanoe/>)

* Perbandingan dengan ion udara. Jangka hayat ion udara biasa: puluhan saat hingga 100 saat. Jangkahayat nanoe™: lebih kurang 600 saat. (Menurut kajian kami)

** Perbandingan antara ion udara biasa (ion negatif) (Ukuran zarah perwakilan: 1.3nm) dan nanoe™ (Ukuran zarah perwakilan: 13nm). (Penyelidikan dalaman Panasonic)

* 2 Kesan berikut telah disahkan setelah kira-kira 12 minit dalam jarak lebih kurang 23m³. Namun, ini bukan hasil pengukuran di ruang penggunaan sebenar.

● Organisasi ujikaji: Pusat Analisis Produk, Panasonic Corporation ● Kaedah ujian: disahkan menggunakan kaedah skala intensiti bau enam peringkat di bilik ujian berukuran lebih kurang 23m³. ● Kaedah penyahbauan: nanoe™ dilepaskan ● Bahan ujian: bau asap rokok yang melekat ● Hasil ujian: intensiti bau dikurangkan sebanyak 2.4 dalam 12 minit (4AA33-160615-N04)

* 3 Kesan berikut telah disahkan setelah kira-kira 4 jam di ruang sekitar 25m³ (Namun, kesannya bukan diukur dalam ruang penggunaan sebenar)

● Organisasi ujikaji: Pusat Penyelidikan Sains Alam Sekitar Kitasato ● Kaedah ujian: bilangan bakteria diukur setelah terdedah langsung di bilik ujian kepad udara berukuran kira-kira 25m³ ● Kaedah perencatan: nanoe™ dilepaskan

● Bahan uji: bakteria di udara ● Jenis bakteria yang diuji: 1 jenis ● Hasil ujian: 99% atau lebih perencatan dalam 4 jam (24_0301_1)

* 4 Kesan berikut telah disahkan setelah kira-kira 24 jam di ruang sekitar 23m³. (Namun, kesannya bukan diukur dalam ruang penggunaan sebenar).

● Organisasi ujikaji: Pusat Analisis Produk Panasonic ● Kaedah ujian: Kajian menggunakan kaedah elektroforesis di bilik ujian berukuran lebih kurang 23m³ ● Kaedah perencatan: nanoe™ dilepaskan ● Bahan ujian: alergen ● Hasil ujian: 99% atau lebih perencatan dalam 24 jam (4AA33 -151001-F01)

Hubungan Media:

Chew Keng Heng

Pengurus Besar

Jabatan Inovasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Pejabat: + 603-7809 7677

E-mel: kengheng.chew@my.panasonic.com

Mazlee Mokhtar

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Inovasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Pejabat: + 603-7809 7877

E-mel: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Mengenai Panasonic

Panasonic Corporation adalah peneraju dunia dalam pembinaan pelbagai teknologi dan solusi elektronik untuk pelanggan dalam elektronik konsumer, perumahan, automotif, dan B2B. Panasonic Corporation, yang menyambut ulang tahun ke-100 pada tahun 2018, telah berkembang secara global dan kini mengendalikan 528 anak syarikat dan 72 syarikat bersekutu di seluruh dunia, mencatatkan penjualan bersih gabungan sebanyak 7.49 trilion yen untuk tahun yang berakhir pada 31 Mac 2020. Komited untuk mencipta nilai baru melalui inovasi di pelbagai bidang, syarikat menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik untuk pelanggannya. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Panasonic: <https://www.panasonic.com/global>.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat penjualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk produk elektrik dan elektronik jenama Panasonic termasuklah produk audio visual, perkakas rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, sistem solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, sistem solusi, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, kunjungi laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.